

# GM Klang terus patuhi SOP

Kedai kembali dibuka bantu pemborong terus mencari rezeki

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

KLANG

Pengumuman kerajaan berkenaan kemudahan sektor ekonomi dan membenarkan pembukaan semula 11 sektor perkhidmatan bukan keperluan di negeri-negeri bawah Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) ternyata memberi harapan kembali kepada para pemborong di Pusat Borong GM Klang di sini.

Pembukaan semula GM Klang membolehkan mereka untuk meneruskan kelangsungan perniagaan selepas terjejas sejak beberapa bulan yang lalu.

Pengurus Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam GM Klang, Norsuhaida Othman berkata, ia merupakan berita gembira kepada GM Klang, bagaimanapun pusat

pemborong terkemuka itu tidak mahu mengambil mudah dan tergesa-gesa dalam memulakan kembali operasi kedai-kedai perniagaan yang telah dibenarkan.

Menurutnya, pihak pengurusan memberi waktu senggang kepada para pemborong untuk lebih bersedia dari segi pematuan prosedur operasi standard (SOP).

“Mereka kini lebih berhati-hati dalam membuat persiapan bagi memastikan kedai mereka betul-betul selamat untuk dikunjungi para pelanggan.

“Oleh demikian, mungkin kita akan mengambil masa dalam seminggu atau dua minggu lagi untuk kita kembali beroperasi dengan lebih banyak kedai,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Norsuhaida berkata, menyedari jumlah kes harian yang masih tinggi, keselamatan komuniti menjadi faktor utama buat GM Klang.

“Daripada pihak pengurusan,



NORSUHaida

para pemborong mahupun pelanggan, GM Klang ingin memastikan kesemuanya sentiasa berasa selamat apabila berada di dalam kompleks tersebut.

“Peraturan penerimaan vaksin lengkap dalam kalangan pekerja di GM Klang terutama

petugas-petugas barisan hadapan seperti sekuriti, pembersih kompleks dan para pemborong sendiri sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa supaya kapasiti 100 peratus dapat dikecapi dalam masa yang singkat,” ujarnya.

Beliau berkata, GM Klang mempunyai pelbagai produk di bawah satu bumbung dengan tawaran harga borong yang menarik.

“Sudah tentunya dengan pembukaan lebih banyak kedai di GM Klang dapat membantu kembali peniaga-peniaga kecil untuk mendapatkan stok barangan perniagaan mereka dengan lebih cepat dan mudah daripada para pemborong di sini,” katanya.



GM Klang memastikan semua pihak mematuhi SOP ketika mengunjungi pusat membeli-belah yang terletak di Klang itu.

Tambah beliau, orang awam juga dapat membuat penjimatan lebih dengan mendapatkan barangan keperluan mereka dengan harga borong.

“Kami berharap agar ke-longgaran ini mampu melancarkan semula sedikit demi sedikit aktiviti perniagaan dan

membeli-belah di GM Klang ini yang sememangnya terjejas untuk tempoh beberapa bulan lepas.

“Selagi kita memainkan peranan dan tanggungjawab kita, kita pasti boleh mengelak perkara buruk yang tidak dingini berlaku,” katanya.

## Lotus's fokus bantu golongan memerlukan

SHAH ALAM - Lotuss Stores (Malaysia) Sdn Bhd (Lotus's Malaysia) melancarkan inisiatif pendanaan awam, #KitakanJiran Prihatin.

Presidennya, Kenneth Chuah berkata, dalam memanfaatkan semangat #kitakanjiran Lotus's, pengumpulan dana itu bertujuan meningkatkan jangkauan masyarakat oleh Lotus's yang telah pun dimulakan sejak awal Julai 2021 melalui penderaan Kotak Prihatin Lotus's kepada golongan kurang mampu.

Menurutnya, antara penerimaannya ialah kumpulan B40, gelandangan, rumah-rumah kebajikan dan mereka yang telah mengibarkan #benderaputih.

“Inisiatif Dana #KitakanJiran Prihatin yang dihoskan di platform pendanaan awam, Sedunia.me, mengajak semua rakyat Malaysia yang prihatin untuk menghasilkan perbezaan sepanjang bulan Merdeka ini dengan menyumbangkan bantuan wang.



Lotus's telah berjaya mengumpul pendermaan dana yang melebihi RM300,000 daripada 8,600 rakan-rakan sekerja Lotus's.

“Setiap sumbangan terkumpul sehingga RM50 akan menaja satu Kotak Prihatin yang dapat menampung sebuah keluarga yang dianggotai empat orang sekurang-kurangnya selama seminggu,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Beliau berkata, Kotak Prihatin Lotus's menyediakan makanan dan barangan keperluan seperti beras, tepung gandum, gula, minyak masak, sardin, bihun, bijirin madu dan pelitup muka pakai buang.

Tambah beliau, pada bulan Julai sahaja Lotus's telah dapat mengedarkan sebanyak 7,400 Kotak Prihatin kepada lebih dari 50 kes keperluan berikutan permintaan #benderaputih yang meluas.

“Sempena merdeka ini, kami berhasrat agar semangat prihatin dan perpaduan rakyat Malaysia bersama-sama dapat memberi bantuan kepada lebih ramai keluarga-keluarga yang memerlukan,” katanya.

Ujarnya, bermula sekarang

sehingga akhir Oktober 2021, Lotus's berhasrat untuk mengumpul sebanyak RM1 juta supaya dapat mengedarkan sebanyak 20,000 Kotak Prihatin kepada golongan yang kurang bernasib baik.

“Sebelum Dana #KitakanJiran Prihatin dilancarkan kepada orang ramai, Lotus's telahpun berjaya mengumpul pendermaan dana yang melebihi RM300,000 daripada 8,600 rakan-rakan sekerja Lotus's.

“Apa yang lebih menarik mengenai dana #KitakanJiran Prihatin ialah fungsi ‘Boost’ yang terdapat di platform pendanaan awam Sedunia.me yang membolehkan orang ramai menjalankan kempen pengumpulan dana mini mereka sendiri untuk membantu menyokong kempen utama,” katanya.

Beliau berkata, dengan ada-



KENNETH

nya ‘Boost’ akan memberikan mereka fleksibiliti untuk menentukan dana yang mereka ingin kumpulkan dan URL unik yang dapat mereka kongsi dengan ahli keluarga dan rakan-rakan.

Katanya, semua sumbangan dikumpulkan melalui kempen pengumpulan dana sokongan ‘Boost’ akan dimasukkan ke dalam dana keseluruhan #KitakanJiran Prihatin dan akan ditukarkan menjadi Kotak Prihatin untuk keluarga dan individu memerlukan.

Sebelum Dana #KitakanJiran Prihatin dilancarkan kepada orang ramai, Lotus's telahpun berjaya mengumpul pendermaan dana yang melebihi RM300,000 dari 8,600 rakan-rakan sekerja Lotus's.